

Maybank Sasar Pertumbuhan Dua Angka Niaga Kiriman Wang
Bernama
25 Januari, 2012

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Malayan Banking Bhd (Maybank) menyasarkan pertumbuhan dua angka di dalam perniagaan kiriman wang bagi tahun kewangan 2012.

Kiriman wang telah berkembang menjadi satu perniagaan yang signifikan dan para pelanggan tertarik dengan penetapan harga yang kompetitif dan mudah, kata Ketua Kad, Kekayaan dan Pembayaran bank itu, B. Ravintharan.

"Maybank sememangnya menjadi peneraju pasaran di dalam perniagaan kiriman wang dan kami telah mencatatkan pertumbuhan signifikan sejak kami melancarkan perkhidmatan MME (Maybank Money Express) pada 16 Sept, 2010, di mana rakyat Kemboja menjadi pengguna terbesar perkhidmatan ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bagi menjadikan perkhidmatan kiriman wang satu pengalaman yang memberikan ganjaran bagi para pelanggan, bank itu telah melancarkan "Promosi Kiriman Wang Mega" di mana pelanggan yang menghantar RM500 dan lebih daripada jumlah itu berpeluang memenangi RM50,000.

Kempen itu diadakan sehingga 30 Jun, 2012.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641995>